

Semua jabatan diarah berjimat

KUALA LUMPUR, Khamis — Kementerian-kementerian serta jabatan di bawah fotfolionya diarah berjimat menggunakan wang kerajaan berikutan keadaan ekonomi negara yang agak meleset sekarang.

Arahan ini dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam mesyuarat kabinet baru-baru ini.

Dalam mesyuarat itu, Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri menghendaki kerajaan menyemak semula rancangannya untuk mengetahui projek mana yang boleh dilambatkan atau diberi keutamaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi ketika mengesahkan perkara ini berkata, kerajaan sedang mengambil langkah mengawal perbelanjaan negara supaya setiap ringgit yang diperuntukkan memberi faedah maksimum kepada rakyat dan negara.

"Setiap menteri perlu mematuhi arahan Perdana Menteri supaya lebih berjimat dan mengutamakan projek-projek penting saja," kata beliau.

Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang ditemui selepas merasmikan Muktamar Pembangunan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan ITM di Petaling Jaya, hari ini berkata:

"Menteri-menteri sudah sewajarnya mengarahkan kementerian dan jabatan di bawahnya merancang segala peruntukan yang diberi supaya tidak berlaku pembaziran."